



SYARAT PERTANDINGAN DAN KELAYAKAN KE MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT NEGERI SABAH 1447H/2026M

SYARAT PENYERTAAN

1. Syarat Peserta

- 1.1.1. Beragama Islam;
- 1.1.2. Warganegara Malaysia;
- 1.1.3. **Kategori Dewasa:** Berusia **tidak kurang 18 tahun pada hari pertama majlis dijalankan dan tidak melebihi usia 50 tahun.**
- 1.1.4. **Kategori Remaja:** Berusia **tidak kurang 13 tahun pada hari pertama majlis dijalankan dan tidak melebihi usia 18 tahun.**
- 1.1.5. Peserta hendaklah bermastautin di Sabah sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum tarikh MTHQNS diadakan. Kelayakan peserta bermastautin hendaklah mengikut alamat terakhir yang tercatat dalam kad pengenalan atau kad tukar alamat, kecuali anggota pakaian seragam hendaklah mendapat surat pengesahan daripada pegawai pemerintahnya;
- 1.1.6. Bagi penyertaan di peringkat daerah peserta hendaklah bermastautin di daerah berkenaan sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum tarikh majlis tilawah peringkat daerah di adakan;
- 1.1.7. Penyertaan peserta yang tidak memenuhi syarat-syarat di atas adalah terbatal.

2. Syarat Utama Penyertaan

- 1.2.1. Pemilihan 6 Qari dan 6 Qariah yang menyertai MTQ Peringkat Negeri tahun 1447H/2026M hendaklah melalui saringan peringkat daerah dan bahagian.
- 1.2.2. Johan Qari dan Qariah di Peringkat Daerah akan mewakili daerah tersebut ke peringkat bahagian.
- 1.2.3. Kelonggaran untuk tidak mengadakan MTQ peringkat daerah diberikan pada daerah yang kekurangan penyertaan.
- 1.2.4. Mana-mana Daerah yang tidak mengadakan MTQ di peringkat daerah dan bahagian masing-masing tidak layak untuk menyertai MTHQ peringkat negeri.
- 1.2.5. Setiap Qari dan Qariah dibenarkan menyertai MTQ hanya sekali sahaja dimana dia bermastautin.

- 1.2.6. Qari dan Qariah yang memperolehi 80 peratus markah di Peringkat Bahagian layak menyertai Pertandingan Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Sabah.
- 1.2.7. Penyertaan Johan menunggu qari dan qariah adalah dihapuskan selaras mengikut pindaan peraturan Majlis Tilawah dan Hafazan peringkat Kebangsaan (Pindaan 2024)
- 1.2.8. Hanya 12 orang peserta iaitu seramai (6 Qari dan 6 Qariah) layak ke Pertandingan MTHQ Peringkat Negeri Sabah.
- 1.2.9. Qari dan Qariah yang telah menjadi Johan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Sabah TIGA (3) tahun berturut-turut, **TIDAK BOLEH mengikuti pertandingan MTHQN pada tahun 1447H/2026M.**
- 1.2.10. Johan Qari dan Qariah akan mewakili negeri Sabah ke Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan.

3. Peraturan peserta

- 1.3.1. Peserta Qariah hendaklah tidak berada dalam keadaan uzur syarie. Sekiranya Qariah itu uzur syarie, maka penyertaannya terbatal.
- 1.3.2. Setiap peserta hendaklah hadir dalam majlis pengundian bagi menentukan giliran membaca dan tidak boleh mewakilkannya kepada sesiapa pun kecuali dalam keadaan amat mendesak dan mendapat kebenaran daripada urus setia.
- 1.3.3. Setiap peserta hendaklah mengundi giliran, ayat dan dua jenis tarannum untuk dibaca pada waktu yang ditetapkan sekurang-kurangnya 6 jam sebelum MTQ berlangsung.
- 1.3.4. Keputusan undian adalah muktamad. Peserta tidak dibenarkan sama sekali menukar giliran membaca atau ayat yang hendak dibaca selepas undian dibuat.
- 1.3.5. Peserta hendaklah berada di majlis Tilawah sekurang-kurangnya 30 minit sebelum majlis bermula.
- 1.3.6. Peserta hendaklah berpakaian lengkap dan kemas (menutup aurat) iaitu baju kebangsaan, bersongkok dan memakai kasut bagi Qari manakala pakaian yang bersesuaian baju kurung / Jubah (menutup aurat) bagi Qariah ketika mempersembahkan bacaan dan semasa Majlis penyampaian hadiah.
- 1.3.7. Peserta wanita yang memakai niqab dikehendaki untuk membuka niqab semasa mempersembahkan bacaan bagi proses pengecaman untuk memastikan peserta adalah peserta yang sama bukan orang lain.
- 1.3.8. Semua peserta hendaklah membuka pelitup muka *Face mask* ketika menyampaikan bacaan agar suara dan sebutan jelas didengar.
- 1.3.9. Setiap peserta hendaklah mematuhi semua arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh penganjur dari masa ke semasa.

4. Kaedah Bacaan (Kategori Tilawah Mujawwad)

- 1.4.1. Setiap peserta dikehendaki membaca bermula daripada ayat dan dua jenis tarannum yang ditetapkan mengikut undian masing-masing dalam tempoh 10 minit. Peserta boleh memulakan bacaan setelah lampu hijau dinyalakan. Peserta diminta memulakan bacaan setelah keadaan selesa dan bersedia. Peserta tidak sewajarnya mengambil masa lama untuk memulakan bacaan.
- 1.4.2. Pengiraan masa bermula daripada bacaan isti'azah manakala penghakiman bermula daripada bacaan basmalah.
- 1.4.3. Peserta dikehendaki memulakan bacaan dengan lafaz isti'azah dan Basmalah serta mengakhiri bacaan dengan lafaz Sadaqallah Al- Azim secara Jahr.
- 1.4.4. Setelah 8 minit bacaan, lampu kuning dinyalakan serentak dengan 1 deringan pembaz, menandakan masa berbaki 2 minit dan peserta dikehendaki bersedia untuk mengakhiri bacaan, Apabila genap 10 minit lampu merah akan dinyalakan serentak dengan 2 kali deringan pembaz menandakan tamat tempoh penghakiman. Peserta dikehendaki menamatkan bacaan hingga sempurna ayat.
- 1.4.5. Peserta hendaklah mempersembahkan bacaan secara Mujawwad beserta maqamat (Tarannum) dan memenuhi keperluan penghakiman Kategori Tilawah Mujawwad.
- 1.4.6. Peserta boleh memulakan bacaan dengan mana-mana Maqam dan menyempurnakan sekurang-kurangnya 4 maqam dalam satu bacaan. Peserta hendaklah membaca sekurang-kurangnya 4 harakat pada setiap maqam.